

SULIT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

5227/1

PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Panitia Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah JPN MELAKA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan. Sebarang maklumat di dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Bahagian A

No. Soalan	Peraturan Pemarkahan
1	Mad Lin
2	Qalqalah Sughra
3	Dibaca dengan kadar 2 harakat
4	Dibaca dengan kadar 6 harakat
5	Waqaf ikhtiyari
6	Qalqalah Akbar
7	sabdu / tasydid / syaddah
8	lafaz
9	Wahyu
10	Rawi
11	Iman
12	Negara
13	selepas
14	Al Hujjah
15	Ijbari
16	Amar makruf
17	Az Ziyadah / al-wasal / al-isbat
18	Ulumul hadis
19	As-Saiyyiah / Al- Isyan / Al-Ithmu
20	Bergantung kepada selain Allah / melakukan maksiat

Bahagian B

NO. SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	Intisari ayat: 1. Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya menjauhi orang yang mempermainkan agama agar kita tidak terpengaruh atau terikut dengan perbuatan mereka. 2. Allah SWT menyatakan bahawa seksaan kepada golongan yang mempermainkan agama dengan diberi minum air yang mendidih.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua contoh perbuatan mempersendakan agama. 1. Melakukan penafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran mengikut hawa nafsu. 2. Menghina wanita yang memakai tudung. 3. Menganggap undang-undang jenayah syariah hanya sesuai dengan masyarakat Arab. 4. Menyambut hari raya dengan hidangan arak. 5. Menganggap semua agama di dunia adalah sama 6. Melakukan perkara maksiat secara terbuka tanpa rasa malu dan takut. 7. Mengiktiraf wanita sebagai imam solat kepada jemaah lelaki. 8. Menganggap bahawa Islam mengongkong golongan wanita. 9. Mengatakan kepada seseorang yang mengamalkan sunnah Rasulullah sebagai seorang yang ketinggalan zaman dan kolot. <i>*mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</i>	2 isi x 1m = 2m

1	(a)	(iii)	JANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA - Tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh pihak berwajib. <table><tr><td>Isi</td><td>Mengenakan hukuman yang berat</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>agar perbuatan tersebut tidak diulangi dan diikuti oleh orang lain.</td></tr><tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya, akan menimbulkan keinsafan kepada yang terlibat dan kegerunan kepada yang ingin meniru perbuatan tersebut.</td></tr><tr><td>Dalil</td><td>من رای منکم منکرا فليغيره بيده ...</td></tr><tr><td>Huraian dalil</td><td>Hadis di atas menjelaskan peranan semua pihak terutama pihak kerajaan dalam membendung dan menghalang perbuatan yang menyalahi syariat daripada terus berleluasa dalam masyarakat.</td></tr><tr><td>Rumusan</td><td>Kesimpulannya, kerajaan perlu bertegas agar perbuatan seperti ini akan terus lenyap daripada masyarakat Islam.</td></tr></table> <i>*mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i>	Isi	Mengenakan hukuman yang berat	Huraian	agar perbuatan tersebut tidak diulangi dan diikuti oleh orang lain.	Huraian lengkap	Kesannya, akan menimbulkan keinsafan kepada yang terlibat dan kegerunan kepada yang ingin meniru perbuatan tersebut.	Dalil	من رای منکم منکرا فليغيره بيده ...	Huraian dalil	Hadis di atas menjelaskan peranan semua pihak terutama pihak kerajaan dalam membendung dan menghalang perbuatan yang menyalahi syariat daripada terus berleluasa dalam masyarakat.	Rumusan	Kesimpulannya, kerajaan perlu bertegas agar perbuatan seperti ini akan terus lenyap daripada masyarakat Islam.	1m - I 1m - H 1m - HL 1m - D 1m - HD 1m - R = 6m
Isi	Mengenakan hukuman yang berat															
Huraian	agar perbuatan tersebut tidak diulangi dan diikuti oleh orang lain.															
Huraian lengkap	Kesannya, akan menimbulkan keinsafan kepada yang terlibat dan kegerunan kepada yang ingin meniru perbuatan tersebut.															
Dalil	من رای منکم منکرا فليغيره بيده ...															
Huraian dalil	Hadis di atas menjelaskan peranan semua pihak terutama pihak kerajaan dalam membendung dan menghalang perbuatan yang menyalahi syariat daripada terus berleluasa dalam masyarakat.															
Rumusan	Kesimpulannya, kerajaan perlu bertegas agar perbuatan seperti ini akan terus lenyap daripada masyarakat Islam.															
1	(b)	(i)	Satu intisari ayat: 1. Allah SWT menciptakan manusia dan menjadikan mereka daripada pelbagai suku dan kabilah agar saling berkenalan dan dapat tolong menolong antara satu sama lain dalam pelbagai perkara. 2. Allah SWT tidak menilai seseorang itu berdasarkan keturunan atau warna kulit tetapi berdasarkan sifat takwa iaitu amalan-amalan baik yang telah dilakukannya.	1 isi x 2m = 2m												
		(ii)	Sebab nuzul ayat: Ketika Fath al-Makkah, Saidina Bilal naik ke atas kaabah untuk melaungkan azan. Beberapa orang mempertikaikan / merendahkan / menghina status seorang budak hitam yang azan di atas kaabah. Maka turun ayat sebagai penjelasan bahawa tidak ada diskriminasi dalam Islam dan orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa.	1 isi x 2m = 2m												

		(iii) Dua ciri perpaduan dan integrasi nasional: 1. Melibatkan perhubungan dua atau lebih masyarakat dan budaya yang saling bekerjasama. 2. Penyatuan pelbagai kelompok masyarakat dapat menghilangkan perbezaan identiti. 3. Interaksi sosial boleh berlaku dalam sektor ekonomi, politik dan negara. 4. Penyatuan 'bangsa Malaysia' yang terdiri daripada satu masyarakat yang berbilang etnik yang bersatu padu, sejahtera dan mempunyai identiti nasional yang tersendiri. 5. Perbezaan-perbezaan dalam kalangan masyarakat yang dilihat sebagai satu keistimewaan bagi negara Malaysia yang menyediakan peluang keemasan kepada seluruh rakyat untuk mengenali, berinteraksi dan dapat menyesuaikan diri dengan kelainan serta kepelbagaian yang ada. <i>*mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i>	2 isi x 2m = 4m
1	(b)	(iv) Usaha dan tindakan pihak kerajaan bagi memperkukuhkan perpaduan nasional: 1. Menganjurkan pelbagai kempen melalui saluran media untuk mengukuhkan perpaduan antara rakyat. 2. Menambah baik kandungan kurikulum Pendidikan dengan mengintegrasikan elemen-elemen perpaduan nasional. 3. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi mereka yang ingin menggugat keharmonian negara. <i>*mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</i>	1 isi x 2m = 2m

NO. SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
2	(a)	(i)	Dua golongan yang mendapat naungan Allah: 1. Pemimpin yang adil. 2. Pemuda yang mengabdikan diri kepada Allah. 3. Golongan yang menangis ketika mengingati Allah. 4. Lelaki yang terpaut pada masjid. 5. Dua lelaki yang mencintai kerana Allah. 6. Golongan yang menjaga kehormatan diri. 7. Golongan yang bersedekah secara sembunyi.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua cara mendapatkan naungan Allah di akhirat: 1. Sentiasa mendidik hati ikhlas kerana Allah dalam melakukan amal kebajikan. 2. Bertaubat memohon keampunan Allah untuk meninggalkan dosa yang telah dilakukan. 3. Membelanjakan harta ke jalan Allah semasa senang atau ketika susah kerana amalan ini akan membantu seseorang di hari akhirat. 4. Menyedarkan manusia tentang tanggungjawab untuk saling berkasih sayang antara satu sama lain. 5. Bersifat adil dengan menegakkan nilai-nilai Islam dalam kepimpinan.	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	Dua pengajaran hadis: 1. Kita hendaklah sentiasa berusaha untuk menjadi sebahagian daripada golongan yang mendapat naungan Allah agar mendapat rahmat Allah. 2. Kita hendaklah sentiasa ikhlas dalam melakukan ibadah agar ibadah diterima Allah. <i>*Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i>	2 isi x 2m = 4m

NO. SOALAN			JAWAPAN	MARKAH										
2	(b)	(i)	Intisari hadis: 1. Rasulullah SAW menjelaskan mukmin yang sempurna imannya adalah yang memiliki akhlak yang baik. 2. Rasulullah menyatakan mukmin yang berakhlak mulia melakukan kebaikan terhadap isteri-isterinya.	1 isi x 2m = 2m										
		(ii)	Dua tanggungjawab "الرَّجُل". 1. Memberikan tempat perlindungan. 2. Memberikan pendidikan. 3. Menjaga keselamatan / melindungi dari mara bahaya. <i>*Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i>	2 isi x 1m = 2m										
		(iii)	Cara untuk mengatasi situasi tersebut agar tidak berlaku dalam masyarakat ialah: <table><tr><td>Isi</td><td>Setiap ahli keluarga mestilah menjalankan tanggungjawab masing-masing</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Seperti mengamalkan sifat saling berkasih sayang antara satu sama lain.</td></tr><tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya dapat mewujudkan keluarga yang harmoni</td></tr><tr><td>Dalil</td><td>لا يؤمن احدكم حتى يحب لأخيه</td></tr><tr><td>Huraian dalil</td><td>Dalil di atas menjelaskan tentang tuntutan mewujudkan sifat kasih sayang sesama insan.</td></tr><tr><td>Rumusan</td><td>Kesimpulannya, kita hendaklah menanamkan sifat mahmudah dalam diri agar dapat menjauhi segala perkara negatif dalam masyarakat.</td></tr></table> <i>*Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i>	Isi	Setiap ahli keluarga mestilah menjalankan tanggungjawab masing-masing	Huraian	Seperti mengamalkan sifat saling berkasih sayang antara satu sama lain.	Huraian lengkap	Kesannya dapat mewujudkan keluarga yang harmoni	Dalil	لا يؤمن احدكم حتى يحب لأخيه	Huraian dalil	Dalil di atas menjelaskan tentang tuntutan mewujudkan sifat kasih sayang sesama insan.	Rumusan
Isi	Setiap ahli keluarga mestilah menjalankan tanggungjawab masing-masing													
Huraian	Seperti mengamalkan sifat saling berkasih sayang antara satu sama lain.													
Huraian lengkap	Kesannya dapat mewujudkan keluarga yang harmoni													
Dalil	لا يؤمن احدكم حتى يحب لأخيه													
Huraian dalil	Dalil di atas menjelaskan tentang tuntutan mewujudkan sifat kasih sayang sesama insan.													
Rumusan	Kesimpulannya, kita hendaklah menanamkan sifat mahmudah dalam diri agar dapat menjauhi segala perkara negatif dalam masyarakat.													

NO. SOALAN		JAWAPAN	MARKAH												
3 (a)	(i)	Maksud ilmu tafsir dari segi istilah: Satu bidang ilmu yang membincangkan dan menjelaskan kehendak Allah yang tersirat di dalam kitabnya menurut keupayaan manusia, mengandungi ilmu-ilmu yang ada hubungan dengannya untuk memahami makna dan kehendak Allah.	[1 x 2m = 2m]												
	(ii)	SATU tindakan untuk menggunakan ilmu tafsir sebagai panduan dalam memahami kandungan al-Quran oleh masyarakat ialah : 1. Memperbanyakkan penganjuran seminar tafsir al-quran di peringkat antara masyarakat seperti di surau atau dimasjid. 2. Menganjurkan program ilmiah di peringkat taman perumahan seperti “Bedah Buku Tafsir” 3. Membudayakan pengajian talaqqi buku tafsir seperti Tafsir Ibnu Kathir. 4. Menggunakan saluran media massa untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai Ilmu Tafsir. <i>* Mana-mana jawapan munasabah diterima</i>	[1 x 2m = 2m]												
3 (b)		Sekiranya ilmu tersebut diabaikan : <table><tr><td>Isi</td><td>Kurang kefahaman mengenai ilmu-ilmu berkaitan dengan al-quran</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>kerana tidak berminat untuk mempelajarinya.</td></tr><tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya, umat Islam tidak mampu memahami kandungan al-quran dengan sebaiknya.</td></tr><tr><td>Dalil</td><td>حَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ</td></tr><tr><td>Huraian dalil</td><td>Dalil menuntut umat Islam supaya sentiasa mempelajari dan mendalami ilmu Al-Quran</td></tr><tr><td>Rumusan</td><td>Kesimpulannya , umat Islam mestilah sentiasa berusaha menambah ilmu mengenai al-quran agar dapat menjadi mukmin yang bertakwa</td></tr></table> <i>* Mana-mana jawapan munasabah diterima</i>	Isi	Kurang kefahaman mengenai ilmu-ilmu berkaitan dengan al-quran	Huraian	kerana tidak berminat untuk mempelajarinya.	Huraian lengkap	Kesannya, umat Islam tidak mampu memahami kandungan al-quran dengan sebaiknya.	Dalil	حَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ	Huraian dalil	Dalil menuntut umat Islam supaya sentiasa mempelajari dan mendalami ilmu Al-Quran	Rumusan	Kesimpulannya , umat Islam mestilah sentiasa berusaha menambah ilmu mengenai al-quran agar dapat menjadi mukmin yang bertakwa	1m - I 1m - H 1m - HL 1m - D 1m - HD 1m – R = 6m
Isi	Kurang kefahaman mengenai ilmu-ilmu berkaitan dengan al-quran														
Huraian	kerana tidak berminat untuk mempelajarinya.														
Huraian lengkap	Kesannya, umat Islam tidak mampu memahami kandungan al-quran dengan sebaiknya.														
Dalil	حَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ														
Huraian dalil	Dalil menuntut umat Islam supaya sentiasa mempelajari dan mendalami ilmu Al-Quran														
Rumusan	Kesimpulannya , umat Islam mestilah sentiasa berusaha menambah ilmu mengenai al-quran agar dapat menjadi mukmin yang bertakwa														

No. Soalan		Peraturan Pemarkahan	Markah
3 (c)	(i)	Pengertian Hadis Riwayat ialah: Ilmu yang mengkaji tentang periwayatan perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad saw secara khusus sama ada perkataan, perbuatan, taqrir dan sifat dengan cara teliti dan terperinci.	[1 x 2m = 2m]
	(ii)	DUA syarat penulisan hadis setelah sahabat mendapat keizinan Rasulullah SAW : 1. Penulisan hadis dilakukan ketika al-quran tidak turun 2. Kebenaran diberikan kepada sahabat yang mudah lupa 3. Penulisan hadis hendaklah dalam lembaran yang berasingan supaya tidak bercampur aduk dengan al-quran	[2 x 1m = 2m]
(d)	(i)	DUA metodologi penyusunan Sahih Muslim : 1. Mempunyai 54 bab utama merangkumi hadis dalam semua bab agama 2. Perawi hadis mestilah mereka yang dipercayai 3. Kitab kedua terbaik selepas Sahih Bukhari	[1 x 2m = 2m]
	(ii)	DUA kepentingan mempelajari metodologi penyusunan sunan al-sittah: 1. Setiap individu dapat mencontohi kegigihan para penulis sunan al-sittah / dalam menuntut ilmu 2. Setiap individu dapat meneladani contoh terbaik para penulis sunan al-sittah dalam beramal dengan hadis / yang mereka pelajari. 3. Masyarakat dapat mengetahui sejarah pembukuan dan method penulisan sunan al-sittah serta faktor-faktor perbezaan mengikut keperluan. 4. Pihak Kerajaan dapat mewujudkan interaksi ilmu naqli seperti pengajian hadis dengan ilmu aqli iaitu sains moden / untuk penerokaan ilmu yang lebih komprehensif. 5. Pihak berkuasa dapat menekankan penggunaan sunan al-sittah sebagai bahan utama dakwah di seluruh negara / supaya tidak berlaku penyebaran hadis-hadis palsu. <i>* Mana-mana jawapan munasabah diterima</i>	[2 x 2m = 4m]

NO. SOALAN	CONTOH JAWAPAN		MARKAH
4 (a)	(i)	Maksud Islam dari segi istilah : Kepatuhan kepada perintah-perintah dan larangan-larangan Allah, melalui Syariah yang dibawa oleh Rasulullah dengan mengucapkan dua kali syahadah.	[1 x 2m = 2m]
	(ii)	Dua keistimewaan Islam sebagai agama umat Muhammad: 1. رَبَّانِي Cara hidup manusia yang datang daripada Allah. 2. ثَابِت Nilai hidup Islam yang tetap dan tidak dapat diperolok-olokkan. 3. حِلَّ مِنَ اللَّهِ وَحِلَّ مِنَ النَّاسِ Islam menekankan aspek hubungan dengan Allah dan sesama manusia. 4. تَوَازُن Islam adalah cara hidup yang serasi dan persefahaman antara cita-cita dan kenyataan zahir dan batin. 5. شَمُول Islam cara hidup menyeluruh yang mengatur semua aspek kehidupan manusia. 6. وَسْطِيَّة Seimbang, pertengahan dan sederhana Islam berada di tempat yang sesuai sebagai jalan tengah antara dua situasi yang bertentangan.	[2 x 2m = 4m]
(b)	(i)	Dua cara ulama mentafsir ayat Al-Quran dan Hadis Mutasyabihat: 1. mentafsir secara تَفْوِيض untuk mengelakkan memberi makna yang tidak tepat dengan hakikat sebenar ayat. 2. mentafsir secara تَأْوِيل mengikut makna yang sesuai dengan sifat kemuliaan, kesucian dan kebesaran Allah.	[2 x 2m = 4m]
(c)	(i)	Maksud امر معروف berserta contoh. امر معروف - menyeru manusia melakukan kebaikan. Contoh: Mengajak rakan solat berjemaah di masjid.	[2 x 1m = 2m]
	(ii)	Peringkat-peringkat Amar Makruf Nahi Mungkar: 1. Mengubah dengan tangan / kuasa 2. Mengubah dengan lisan / perkataan / nasihat 3. Mengubah dengan hati / doa / membenci perbuatan	[2 x 1m = 2m]

(d)	(i)	Perbincangan kenyataan Mencegah lebih baik dari mengubati boleh dilakukan oleh masyarakat agar persekitaran taman perumahan selamat diduduki. <table><tr><td>Fakta</td><td>Masyarakat boleh mengadakan program kitar semula menggunakan barang terpakai.</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Hal ini mengelakkan daripada kawasan dicemari dengan barang buangan yang tidak boleh dihapuskan seperti tin, barang plastik dan sebagainya.</td></tr><tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Kesannya kawasan persekitaran menjadi bersih, ceria dan selesa untuk di duduki oleh semua lapisan masyarakat.</td></tr><tr><td>Dalil</td><td>النَّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ</td></tr><tr><td>Huraian Dalil</td><td>Dalil ini menjelaskan bahawa kebersihan itu melambangkan iman seseorang individu.</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu, masyarakat perlulah menjaga kebersihan bagi mengelakkan kawasan dicemari dengan sampah sehingga mengundang kepada penyakit. .</td></tr></table>	Fakta	Masyarakat boleh mengadakan program kitar semula menggunakan barang terpakai.	Huraian	Hal ini mengelakkan daripada kawasan dicemari dengan barang buangan yang tidak boleh dihapuskan seperti tin, barang plastik dan sebagainya.	Huraian Lengkap	Kesannya kawasan persekitaran menjadi bersih, ceria dan selesa untuk di duduki oleh semua lapisan masyarakat.	Dalil	النَّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ	Huraian Dalil	Dalil ini menjelaskan bahawa kebersihan itu melambangkan iman seseorang individu.	Kesimpulan	Oleh itu, masyarakat perlulah menjaga kebersihan bagi mengelakkan kawasan dicemari dengan sampah sehingga mengundang kepada penyakit. .	1m - I 1m - H 1m - HL 1m - D 1m - HD 1m – R = 6m
Fakta	Masyarakat boleh mengadakan program kitar semula menggunakan barang terpakai.														
Huraian	Hal ini mengelakkan daripada kawasan dicemari dengan barang buangan yang tidak boleh dihapuskan seperti tin, barang plastik dan sebagainya.														
Huraian Lengkap	Kesannya kawasan persekitaran menjadi bersih, ceria dan selesa untuk di duduki oleh semua lapisan masyarakat.														
Dalil	النَّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ														
Huraian Dalil	Dalil ini menjelaskan bahawa kebersihan itu melambangkan iman seseorang individu.														
Kesimpulan	Oleh itu, masyarakat perlulah menjaga kebersihan bagi mengelakkan kawasan dicemari dengan sampah sehingga mengundang kepada penyakit. .														

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT